

1.0 SKOP KERJA CERUN

1.1 KERJA-KERJA AWALAN

- i. Menyediakan keperluan insuran-insuran dan keperluan spesifikasi yang telah ditetapkan.
- ii. Menyediakan tong sampah yang sesuai untuk kebersihan sisa binaan dan membawa keluar dengan arahan pegawai penguasa.
- iii. Menyediakan tong sampah yang sesuai dan membersihkan sisa binaan mengikut keperluan dan mengikut arahan
- iv. Menyediakan laporan Kemajuan Kerja, papan tanda amaran, papan tanda projek serta peralatan keselamatan bagi kerja-kerja ditempat tinggi.
- v. Menyediakan Papan tanda / amaran jenis yang sesuai termasuk kon keselamatan, road barrier, pengawal bendera lalulintas, temporary road sign, dan lain-lain keperluan mengikut arahan Pegawai Penguasa.
- vi. Menyediakan papan tanda projek/Banner / Bunting di setiap lokasi kerja. Boleh dialihkan/gunasama jika kerja telah siap sepenuhnya di lokasi kerja dan dengan kebenaran Pegawai Penguasa.
- vii. Menyediakan Peralatan Keselamatan termasuk untuk kerja tempat tinggi dan lain-lain yang berkaitan secukupnya kepada pekerja/operator di tapak.

1.2 KERJA-KERJA MEMBUKA, MENANGGAL DAN MEROBOH

- i. Kerja-kerja membuka, meroboh dan mengeluarkan sisa binaan sediaada dari tapak pembinaan bagi menerima pemasangan serta pembinaan baru di tapak mengikut spesifikasi dan lukisan berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguasa.

1.3 KERJA-KERJA MEMBAIKI CERUN DAN PENAHAN TANAH

- i. Kerja-kerja merangkumi membaiki, membekal, memasang dan membina yang berkaitan sehingga siap dengan sempurna mengikut kehendak spesifikasi dan lukisan. Harga hendaklah termasuk kos jentera, tenaga kerja, bahan, kaedah kerja, peralatan, peralatan keselamatan dan lain-lain yang berkaitan. Segala contoh dan warna hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Penguasa terlebih dahulu
- ii. Kerja-kerja membekal dan memasang "erosion matt" jenis Fibromatt DS 350 Double Net Palm oil Blanket atau setaraf lengkap dengan peralatan berkaitan sehingga selesai seperti arahan pembekal dan arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa.
- iii. Kerja-kerja membekal dan menanam rumput menggunakan kaedah hydroseeding termasuk baja dan media tanaman yang diperlukan sehingga selesai.
- iv. Kerja-kerja membaiki longkang interceptor drain/berm drain.
- viii. Kerja-kerja membaikpulih longkang berm drain sediaada termasuk kerja-kerja membuka, membaiki, memasang dan menambak semula dengan bahan yang sesuai serta kerja berkaitan.
- ix. Kerja-kerja membekal dan memasang 5mm tebal kanvas jenis konkrit berubat (concrete impregnated) dengan berat kering 7 kg/m² termasuk memasang keluli tambatan (steel pegging) setiap 2 meter pusat ke pusat; 12mm diameter x 125mm panjang (minima), termasuk plat besi bersaiz 200mm x 200mm sebagai alas ke permukaan kanvas, serta kerja-kerja menyiram air pada permukaan kanvas atau setaraf dengannya seperti arahan Pegawai Penguasa atau wakil P.P
- x. Kerja-kerja melepa hujung sambungan kanvas konkrit dengan "concrete groutting " setebal 7mm (minima) dengan kemasan licin dan lain-lain kerja berkaitan atau setaraf dengannya.

- xi. Kerja-kerja membaikpulih dan membina semula cerun yang rosak dengan bahan yang sesuai termasuk menggunakan lapisan geotextile KET13 non woven sebagai pemisah, hamparan batu saiz 250mm x 500mm minima, hamparan batu saiz 150mm x 230mm tanah top soil, pasir dan lain-lain keperluan mengikut arahan Pegawai Penguasa.
- xii. Kerja-kerja membekal dan menanam rumput menggunakan kaedah hydroseeding termasuk baja dan media tanaman yang diperlukan sehingga selesai.
- xiii. Kerja-kerja membersihkan kawasan, pokok tumbang sehingga selesai dengan menggunakan mesin excavator termasuk membuat longkang tanah untuk laluan air ke kawasan rendah.
- xiv. Kerja-kerja membuka dan mengganti baru turus pagar besi keluli angle 50mm, Pagar jejaring berangkai 3.0mm tebal bersalut PVC dengan jejaring berukuran 50mm berbentuk berlian dan 4.06mm Tebal dawai penegang keluli tergalvani dipasang pada pagar mengikut arahan Pegawai Penguasa.
- xv. Kerja membuka dan membuang ikatan bata dan sisa binaan daripada tapak kompressor lama penyaman udara berdekatan sehingga selesai. Sisa tersebut hendaklah dibuang keluar daripada kampus ke lokasi yang dibenarkan oleh PBT.
- xvi. Kerja-kerja membaiki apron bangunan menggunakan konkrit G20 setebal 100mm dengan memasukkan stater bar Y12 dengan panjang 1000mm dan jarak 300mm diantaranya.
- xvii. Kerja-kerja membaiki longkang bangunan menggunakan simen plaster serta kerja-kerja berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguasa

1.4 KERJA-KERJA MEMBAIKI INFRASTUKTUR BANGUNAN DAN LUAR BANGUNAN.

- i. Kerja-kerja merangkumi membaiki, membekal, memasang dan membina yang berkaitan sehingga siap dengan sempurna mengikut kehendak spesifikasi dan lukisan. Harga hendaklah termasuk kos jentera, tenaga kerja, bahan, kaedah kerja, peralatan, peralatan keselamatan dan lain-lain yang berkaitan. Segala contoh dan warna hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Penguasa terlebih dahulu.
- ii. Kerja-kerja membaiki dan membina semula pagar anti-climb termasuk beam (150mm x 100mm) lengkap dengan besi tetulang 4Y10.
- iii. Membekal dan membina semula tapak pagar anti-climb bersaiz 500mm x 500mm lengkap dengan besi bertetulang jenis Y10 serta konkrit G20 serta kerja-kerja berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguasa.
- iv. Kerja- kerja membuka dinding dewan terbuka dari jenis metal deck dan kemudian diangkat ke Stor Pelupusan serta kerja-kerja berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguasa.
- v. Kerja-kerja memasang tibar layar yang rosak menggunakan metal deck sediada menggunakan skru zink yang diluluskan serta menambah baik metal deck dengan menambah skru serta kerja-kerja berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguasa.
- vi. Kerja-kerja menggali bagi menyediakan tapak dan membina longkang jenis precast U drain saiz 1500mm x 1500mm termasuk lapisan pasir 150mm tebal serta kerja-kerja berkaitan.
- vii. kerja-kerja membina dan menyiapkan ikatan bata 225mm termasuk lepaan simen 20mm kedua-dua belah bata sehingga siap mengikut tinggi paras tanah dan jalan raya sediada.
- viii. Kerja membina sump saiz 1.7m x 1.7m x 2.0m (Tinggi) dengan bahan konkrit G25, Y12-150mm c/c bothway termasuk bukaan untuk longkang dan grating sump daripada Y12-50mm c/c mengikut arahan P.P
- ix. Membina semula tangga konkrit saiz 2400mm lebar x 3000mm panjang termasuk memasang semula railing stainless steel dan longkang cascade daripada glaze 225mm kedua-dua belah tangga sehingga siap sempurna.

- x. Kerja membaiki semula kerb, jalan raya, papan tanda, kemasan-kemasan lain sehingga sempurna seperti sediaada mengikut arahan P.P.
- xi. Membekal dan menanam rumput jenis cowgrass spot turfing.

1.5 PERUNTUKAN SEMENTARA

Menyediakan sejumlah Ringgit Malaysia : Lima Puluh Ribu Sahaja (RM 50,000.00) sebagai peruntukan sementara untuk kegunaan kerja-kerja pembaikan diluar jangka menggunakan Jadual Kadar Harga sekiranya perlu dengan kelulusan Pegawai Penguasa.